

18/12/1999

Penggunaan Internet di bandar, desa perlu seimbang

Khairul Anuar Abdul Samad

INISIATIF kerajaan untuk membentuk satu program bagi meningkatkan tahap penggunaan Internet di kalangan masyarakat luar bandar serta mewujudkan pusat Internet desa harus diberi sokongan padu oleh pelbagai pihak terutama mereka yang terbabit dalam industri teknologi maklumat (IT).

Sepatutnya, isu seperti itu berjaya ditangani lebih awal lagi sebelum ia diwarwarkan semula oleh Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie, Rabu lalu. Ketika Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan Eksposis Multimedia, Telekomunikasi dan Elektronik Kelantan (Emtak '98), di Kelantan tahun lalu, beliau pernah membangkitkan perkara itu.

Beliau ingin melihat penggunaan Internet itu turut sama dinikmati oleh masyarakat luar bandar, bukan hanya untuk masyarakat bandar saja.

Seharusnya apabila Dr Mahathir melahirkan hasratnya itu, pihak berkenaan yang arif dalam hal ini bertindak segera sama ada menyediakan tabungan atau menghasilkan pelan tindakan terbaik untuk memangkinkannya. Walaupun ia adalah isu lama, namun ia seharusnya ditangani segera untuk mengimbangi penggunaan Internet di kalangan masyarakat bagi mewujudkan masyarakat bermaklumat.

Ia tidak perlu disebut beberapa kali oleh menteri tertentu bagi pelaksanaannya malah harus sentiasa disedari serta diusahakan bagi menjayakannya. Apakah masyarakat kita ini seperti paku dengan pemukul? Memandangkan Malaysia kini sudah menjadi tumpuan serta platform utama kepada syarikat IT dunia, program seperti itu seharusnya mendapat sokongan padu daripada mereka dan tidak seharusnya mengalami kegagalan. Malah Malaysia juga turut mempunyai syarikat komputer peribadi (PC) tempatan yang juga mampu menghasilkan produk PC setaraf syarikat antarabangsa lain. Syarikat antarabangsa seperti Hewlett-Packard, Acer, Compaq, Dell dan Gateway serta syarikat tempatan seperti PC Malaysia dan Mimos Berhad harus menjadi pemangkin ke arah menjayakan program itu. Mereka wajar diminta memberi kerjasama menjayakan program itu berdasarkan kepada keupayaan dalam menghasilkan produk selain mempunyai sumber kewangan serta kepakaran.

Apa yang sedang dilakukan oleh pihak berkenaan, agak mengecewakan sekiranya kehadiran serta kewujudan mereka hanya untuk mengukuhkan tapak di negara ini serta mengaut keuntungan. Walaupun program kerajaan itu sedang dalam perancangan dan akan dilaksanakan pada suku pertama tahun depan, pihak berkenaan seharusnya tampil untuk memberi pandangan serta sumbangan.

Ketua syarikat IT utama itu adalah anak tempatan yang tahu mengenai nasib masyarakat luar bandar dan seharusnya mereka sedar tanggungjawab mereka dalam memajukan masyarakat sendiri sekali gus memajukan negara. Syarikat asing sememangnya terpaksa melalui banyak prosedur untuk memangkin usaha itu walaupun secara nyatanya mereka amat suka memberi sumbangan sebagai menunjukkan keprihatinan kepada masyarakat negara ini.

Syarikat tempatan seharusnya peka dalam hal ini berdasarkan kepada keupayaan mereka mempunyai produk serta kepakaran tersendiri yang dikatakan setanding dengan syarikat antarabangsa tadi. Namun, kelalaian mungkin wujud di kalangan syarikat berkenaan apabila wujud sikap bersaing dengan mementingkan keuntungan melalui projek yang memberi hasil dan meninggalkan program untuk membentuk masyarakat sendiri.

Sebenarnya Malaysia adalah antara negara yang mempunyai tahap celik IT

paling tinggi iaitu pada 8.2 peratus berbanding kebanyakan negara lain rantau ini, menurut Laporan Ekonomi 1998/1999. Malah perkembangan IT di Malaysia juga menunjukkan sambungan ke Internet meningkat yang mana negara mempunyai 1.23 hos bagi setiap 1,000 penduduk pada 1997.

Melalui perangkaan berkenaan, menunjukkan Malaysia berada dalam landasan terbaik untuk menjadi hub IT rantau ini khususnya dengan terbentuknya Koridor Raya Multimedia (MSC).

Di sini fungsi pihak berkenaan amat penting untuk memastikan tidak wujudnya jurang perbezaan dalam penggunaan Internet di kalangan masyarakat bandar dan luar bandar. Jurang berkenaan harus dirapatkan supaya ia tidak menjadi punca ketidakstabilan masyarakat pada masa depan apabila sebahagian daripada masyarakat lebih bermaklumat berbanding yang lain.

Usaha ini juga bagi membolehkan rakyat negara ini tidak ketinggalan dalam arus pembangunan IT selain memberikan mereka persediaan di barisan hadapan dalam revolusi maklumat itu.

Kita amat mengharapkan kepada Mimos dan Telekom yang menjadi pemangkin dalam perkembangan IT negara untuk menjayakan usaha murni itu memandangkan mereka adalah syarikat yang menyediakan laluan ke Internet selain mampu menghasilkan produk sendiri. Oleh itu, penggabungan antara kuasa daripada kerajaan dengan produk, sumber kewangan dan kepakaran daripada syarikat PC diharap mampu memangkinkan keseimbangan masyarakat di negara ini dalam penggunaan Internet.

Dalam era alaf baru nanti, kita ingin lihat keseimbangan wujud dalam penggunaan Internet antara masyarakat di Lembah Klang dengan masyarakat pedalaman. Usaha untuk memangkinkan program itu pada dasarnya agak sukar untuk dilaksanakan sekiranya dilakukan sendirian namun akan menikmati kejayaan dengan kerjasama dan pembabitan daripada pelbagai pihak.

(END)